

Peranan Komunikatif Deiksis Sosial ‘Bah’ dalam Dialek Melayu Sabah The Communicative Functions of Social Deixis “Bah” in Sabah Malay Dialect

WINDDY KINDUO & SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI

ABSTRAK

Bahasa dan identiti tidak boleh dipisahkan sebab menerusi bahasa terdapat identiti penutur berkenaan. Bahasa berperanan penting dalam mewujudkan interaksi sesama peserta bahasa. Tidak banyak kajian mengenai penanda identiti dalam Dialek Melayu Sabah (DMS) yang mempertalakan bahasa daripada aspek pragmatik. Terdapat banyak penanda identiti dalam DMS antaranya adalah kata “bah”. Justeru, kertas ini menumpu kepada diskusi pragmatik dari sudut deiksis sosial “bah”. Analisis peranan komunikatif deiksis sosial “bah” yang juga merupakan partikel khas dalam DMS telah dilakukan terhadap guru-guru di SMK Simpangan, menerusi konteks mesyuarat yang dianggotai oleh 49 orang guru. Terdapat lima mesyuarat yang telah dilangsungkan dan direkod untuk tujuan kajian. Lima teks mesyuarat yang dikaji terdiri daripada 26,137 patah perkataan. Teori Deiksis Sosial Huang (2015) digunakan sebagai teori yang mendasari kajian ini. Data dianalisis menggunakan pendekatan korpus, yakni menggunakan perisian AntConc. Hasil analisis mendapati terdapat empat peranan komunikatif deiksis sosial “bah”, yakni berfungsi sebagai persetujuan, penekanan, penegas dan penguat. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa DMS mempunyai keunikan tersendiri yang tidak ada dalam dialek-dialek Melayu yang lain bahkan dalam Bahasa Melayu Standard (BMS). Ini kerana, deiksis sosial “bah” adalah partikel khusus milik DMS dan hanya dapat ditafsir dengan baik oleh penutur DMS sahaja kerana penanda identiti berkenaan memiliki nilai dan konteks budaya masyarakat penutur setempat.

Kata kunci: ‘Bah’; deiksis sosial; Dialek Melayu Sabah; identiti penutur; partikel

ABSTRACT

Language and identity cannot be separated because language represent the speaker identity. Language also plays an important functions to constructing interaction among language speakers. ‘Bah’ is one of the identity markers in Sabah Malay Dialect (DMS) but not many studies on those from pragmatic perspectives. Therefore, this paper focuses on the social deixis of ‘Bah’ to analyze the communicative role of the social deixis which is also a special particle in the DMS. The data collected at SMK Simpangan, Beluran, Sabah through the online meeting context involved 49 teachers. There were five meetings held and recorded for the purpose of this study. All meeting texts consisted of 26,137 words and Huang’s (2015) Social Deixis Theory is used to explore the data. This is corpus analysis study in specifically using the AntConc software to process the data. The results found that there are four communicative functions of social deixis ‘Bah’ namely agreement, emphasis, affirmation and reinforcement. The findings also shows that DMS has its own uniqueness that does not exist in other Malay dialects even in Standard Malay language (BMS). This is because, the social deixis is precisely belong to DMS and can only well interpreted by DMS speakers. The deixis also implicitly concealed values and cultural context of the DMS speakers beside an important operation as the identity markers.

Keywords: ‘Bah’; Social deixis; Sabah Malay dialect; speaker identity; particle

PENGENALAN

Dialek Melayu Sabah (DMS) atau Cakap Sabah merupakan lingua franca antara pelbagai kumpulan etnik (inter etnik) dan dalam satu-satu kumpulan etnik (intra etnik) yang dituturkan secara meluas di Sabah. Latar sosiolinguistik penutur yang luas terdiri daripada etnik peribumi dan pendatang

telah mempengaruhi pembentukan DMS. Senario itu ditambah pula dengan latar sosiobudaya dan sosioekonomi yang juga pelbagai telah turut mempengaruhi leksikal DMS. Proses pemasukan kata-kata etnik ke dalam DMS telah berlaku secara berperingkat sejak bertahun lamanya, yang akhirnya diguna dan diterima sebagai ungkapan yang utuh sehingga membentuk identiti DMS pada hari ini

(Saidatul Nornis & Alice Lim 2021). Dialek ini memperlihatkan perbezaan yang ketara khususnya daripada aspek kosa kata, fonologi, semantik dan sintaksis berbanding dengan dialek Melayu Standard dan dialek-dialek Melayu lain. Konteks sedemikian menyebabkan DMS merupakan dialek tersendiri (Jane Wong 2000). Didapati, kajian-kajian terdahulu berkenaan DMS kebanyakannya bertumpu kepada aspek fonologi, sosiolinguistik, sejarah bahasa dan literasi bahasa. Menerusi tinjauan literatur, didapati sosiolinguistik adalah bidang yang paling menarik perhatian para pengkaji terhadap DMS.

Corak pengkajian sedemikian kerana tidak ramai pengkaji bahasa mengenali DMS sebagaimana penuturnya, malah dialek ini juga ternyata sangat berbeza daripada dialek-dialek Melayu lain di Malaysia. Memandangkan DMS tidak pernah tersenarai sebagai sebahagian daripada dialek-dialek Melayu, maka ia menarik untuk diselidiki dan dikedepankan ke khalayak pengkaji linguistik di Malaysia. DMS menyimpan banyak maklumat budaya melalui makna pragmatik yang didukung di dalam leksikalnya. Memandangkan pengkajian mengenai aspek deiksis juga masih sangat dini sifatnya dalam konteks DMS, maka perkara itu menjadi suatu isu menarik untuk diperihalkan. Aspek deiksis dalam DMS pastinya menyembunyi banyak elemen pragmatik di dalamnya khususnya dari kalangan penutur DMS yang juga memperlihatkan kepelbagaian latar budaya. Justeru itu, perkongsian deiksis DMS ini turut menentengahkan maklumat-maklumat kebudayaan masyarakat tempatan Sabah yang unik. Ini kerana, kebahasaan adalah satu konteks yang secara tidak langsung memaparkan identiti sosial seseorang penutur (Saidatul Nornis & Alice Lim 2021), selain ia juga penting untuk memperkaya bahan rujukan tentang DMS.

DIALEK MELAYU SABAH

Bahasa Melayu (BM) bukanlah medium bahasa perantara dalam kalangan penduduk pelbagai kaum di Sabah. Namun begitu, bahasa Melayu juga bukanlah suatu yang asing kepada mereka. Ini kerana, bahasa Melayu telah dituturkan sejak zaman penjajahan. Meskipun demikian, masih wujud bahasa perantara kaum yang lahir hasil campuran pelbagai bahasa etnik dengan bahasa Melayu, yang bergabung membentuk suatu medium perantara serta memiliki ciri linguistik tersendiri yang dikenali sebagai dialek Melayu Sabah (Jane Wong 2000; Noor Aina Dani & Syeril Patrisia Kining

2016; Kartini Abd. Wahab 2018; Saidatul Nornis Hj. Mahali 2020). Malangnya, titik waktu wujudnya DMS tidak dapat dipastikan dengan jelas (Noor Aina Dani & Syeril Patrisia Kining 2016). Sungguhpun demikian, DMS masih belum dikategorikan sebagai sebahagian daripada dialek-dialek Melayu di Malaysia. Hal itu disebabkan terlalu banyak masukan daripada bahasa-bahasa etnik di dalamnya yang menyebabkan ia hanya difahami oleh penutur-penutur bahasa di Sabah sahaja (Saidatul Nornis Hj. Mahali 2012; 2020).

DMS sebenarnya dialek yang unik kerana ia memiliki sifat-sifat linguistik yang tidak ada dalam dialek Melayu yang lain (Jane Wong 2000; Saidatul Nornis Hj. Mahali 2012). Terdapat tiga ciri linguistik unik dalam DMS, iaitu (i) penggunaan tanda “*ba*”, “*anu*”, “*dogo*” berdasarkan konteks, (ii) penggunaan penguat ayat *sandi*, serta (iii) penggunaan kata panggilan *mandak* dan *bosku*. Dua ciri pertama itu tidak dapat diberikan maksud dengan tepat kerana ia memerlukan konteks untuk pembinaan makna yang betul. Namun, umumnya makna bagi “*ba*”, “*anu*”, “*dogo*” dan “*sandi*” itu merujuk kepada kata bantu atau kata penegas atau kata penguat. Sedangkan ciri ketiga itu pula merupakan panggilan umum kepada individu yang tidak diketahui namanya. Ketiga-tiga ciri tersebut memaparkan perbezaannya dengan bahasa Melayu standard dan dialek-dialek Melayu lain di Malaysia. Selain itu, DMS juga memiliki kelainan ciri linguistik yang dapat diperhatikan dari segi bunyi, struktur ayat, kata penegas, kosa kata dan unsur bahasa sukuan (Kartini Abd. Wahab 2018).

DMS juga memperlihatkan penggunaan tiga Kata Ganti Nama yang menarik untuk diteliti. Tiga kata itu adalah *aku*, *kau* dan *kita*. Tidak pernah wujud perkataan *saya* dalam kosa kata DMS. Perkataan itu hanya muncul melalui sistem pendidikan kerana ia diajar di sekolah. Dalam bahasa-bahasa etnik di Sabah, semua kata yang merujuk kepada diri sendiri akan menggunakan kata *aku*. Kata itu tidak pernah dianggap sebagai kasar dari segi penggunaannya. Sekadar mengambil beberapa contoh bahasa etnik seperti bahasa Melayu Brunei, bahasa Kadazandusun, dan bahasa Samah-Bajau semuanya menggunakan kata *aku* untuk merujuk kepada *saya* sebagai rujukan kata ganti diri pertama. Justeru, masukan kata *aku* ke dalam DMS berlaku secara spontan dan diterima baik oleh semua penutur. Demikian keadaannya dengan perkataan *kau* dan *kita*. Perkataan *kita* dirujuk kepada ganti diri pertama tunggal. Ia bukanlah rujukan kepada ganti diri pertama jamak sepertimana dalam BM. Dukungan

makna itu menyebabkan ramai penutur dialek-dialek Melayu yang berasal dari Semenanjung Malaysia yang terkeliru apabila pertama kali berbual dengan penutur-penutur DMS.

Ejaan 'ba' dalam DMS memperlihatkan dua variasi, yakni dieja sama ada sebagai (i) *ba*; atau (ii) *bah*. Dalam Kamus Dewan (2015) dicatat lima pengertian untuk kata 'Ba' sebagaimana berikut, (i) huruf kedua abjad Arab; huruf kedua abjad Jawi; (ii) tahun keenam daripada satu Windu; (iii) anak pinang yang digunakan untuk melekatkan tali pada hidung lembu; (iv) cukup, pada; (v) sedikit sahaja. Sedang pada kata 'Bah' dicatat empat pengertian, iaitu (i) banjir, air besar; (ii) singkatan untuk babah; (iii) bawah; (iv) kependekan bahasa. Namun, kesemua pengertian yang dicatat dalam kamus berkenaan tidak membayangkan makna sebenar yang didukung oleh kata 'bah' yang diguna pakai dalam DMS. Kata 'bah' sebenarnya mendukung fungsi partikel dalam DMS namun, dalam fungsi lain ia turut berfungsi sebagai kata penguat, kata pembenar dan kata sapaan (Saidatul Normis 2012). Dalam DMS kedua-dua variasi ejaan mendukung makna sama, yakni disandarkan kepada cara individu menyebutnya sama ada memasukkan fonem /h/ atau menggugurkannya. Justeru untuk konteks tulisan ini, ejaan 'bah' akan diguna bagi tujuan penyetaraan ejaan.

Kedua-dua variasi berkenaan sama ada secara sebutan mahupun ejaan diterima oleh semua penutur DMS. Seperkara yang menarik, kata 'bah' turut menyembunyi elemen emosi berdasarkan budaya penuturnya. Leksikal ini boleh membawa makna positif dan sebaliknya bersandarkan konteks penggunaannya di dalam ayat. Selain itu, DMS turut memperlihatkan penggunaan ayat yang berbeza daripada struktur BM. Ayat BM dan DMS memiliki struktur subjek-predikat-objek namun DMS memperlihatkan perbezaannya dengan penambahan partikel 'sudah' di hujung ayat. Contohnya, ayat "kamu sudah makan?" (BM), manakala dalam DMS ayat tersebut akan disebut sebagai "makan sudah?". Struktur ayat DMS banyak dipengaruhi oleh struktur bahasa etnik yang menuturkannya. Oleh yang demikian, tidaklah menghairankan sekiranya masukan partikel di akhir ayat itu menjadi penanda nahu ayat dalam dialek ini.

Dialek ini juga turut memperlihatkan entri-entri daripada bahasa etnik di Sabah. Yang menarik, DMS yang dituturkan di Pantai Barat dan Pedalaman Sabah memperlihatkan leksikal yang didominasi oleh bahasa Kadazandusun, Brunei, Samah-Bajau dan sebaliknya di wilayah timur Sabah, DMS dikesan

mengandungi dominasi daripada bahasa Bugis dan Bajau. Satu peranan yang sangat penting dan ketara dimainkan oleh DMS adalah fungsinya sebagai medium perantara intra dan inter etnik masyarakat pelbagai di Sabah. Ia juga secara tidak langsung menjadi penanda identiti sosial orang-orang Sabah.

PERMASALAHAN KAJIAN DAN SOROTAN LITERATUR

Bahasa Melayu diajar secara rasmi dalam Pendidikan Kebangsaan di negara kita. Bermaksud seluruh warga di Malaysia sekurang-kurangnya mampu menggunakan bahasa Melayu untuk berinteraksi dan berkomunikasi. Di Malaysia juga terdapat dialek-dialek Melayu yang dituturkan dari negeri-negeri berbeza. Dialek-dialek Melayu yang terdapat di Semenanjung Malaysia dikelompokkan kepada lima kawasan utama, iaitu kelompok barat daya yang terdiri daripada kelompok Kedah, Perlis, Pulau Pinang yang meliputi Perak Utara, sementara kelompok Timur Laut diwakili oleh dialek Kelantan, seterusnya kelompok Timur yang meliputi Terengganu, selanjutnya kelompok Selatan yang meliputi dialek yang dituturkan di Johor, Melaka, Pahang, Selangor dan Perak Selatan dan akhirnya kelompok yang mewakili dialek Negeri Sembilan (Asmah Hj Omar 1991). Sementara dialek Melayu Sarawak mewakili dialek Melayu dari wilayah Malaysia timur. Walau bagaimanapun, DMS tidak termasuk ke dalam kategori berkenaan. Senario kebahasaan sedemikian sedikit mengelirukan jika ia tidak diteliti dan dirasionalkan secara ilmiah. Memandangkan setiap bahasa atau dialek berbeza daripada bahasa atau dialek lain akibat daripada pengaruh alam dan sekitaran yang berlainan, maka perbezaan itu boleh dilihat antaranya melalui sistem bunyi dan leksikal (Norazila 1986). Justeru dalam konteks itu, DMS mempunyai pelbagai keistimewaan dan keunikannya yang tersendiri tetapi kurang diteliti. DMS bukan sekadar memperlihatkan sistem fonologi dan leksikal berbeza malah aspek semantik, pragmatik, struktur ayat serta aspek sosiolinguistiknya juga berbeza. Kekurangan kajian mengenai aspek linguistik asas DMS menyulitkan pemahaman dan pengetahuan para penutur dialek Melayu terhadap DMS. Apatah lagi ia melibatkan aspek budaya yang didukung oleh DMS itu sendiri. Justeru, tulisan ini diupayakan untuk meneliti aspek deiksis secara khusus untuk memeri makna yang didukung oleh partikel 'bah' yang sering menimbulkan kekeliruan dari segi penggunaannya

dalam proses berkomunikasi khusus dalam kalangan penutur dialek Melayu dari Semenanjung Malaysia. Deiksis ini juga merupakan suatu bentuk penanda bahasa bagi penutur DMS dan ia mempunyai fungsi tersendiri dalam dialek ini. Seyogia, perlu untuk diketahui fungsi dan penggunaan yang tepat untuk deiksis sosial ini dalam konteks komunikasi di Sabah secara khusus apabila bertutur dalam DMS.

Meskipun tidak banyak kajian dilakukan terhadap DMS namun, masih dapat dikesan beberapa hasil tulisan yang berkait dengan dialek ini, antaranya hasil tulisan Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Alice Alim (2021) yang membincangkan tentang leksikal-leksikal etnik sebagai latar sosial penutur DMS. Kajian itu memfokuskan kepada leksikal etnik yang terdapat dalam DMS dan diguna oleh para pengguna laman Facebook *Cerita Seram Urang Kita* (CSUKS). Leksikal-leksikal etnik berkenaan mengandungi unsur emosi Sabah yang hanya dapat ditafsir dengan baik oleh kelompok penutur DMS. Antara leksikal terbabit adalah “*mandak*” (gadis muda), “*ginawo*” (hati), “*godoot*” (kuat makan), “*moginum*” (minum arak), “*nokoloboi*” (terlambat bangun), “*pounsikou*” (terima kasih), “*siou*” (maaf), dan “*rogon*” (hantu). Didapati leksikal-leksikal terbabit memiliki nilai budaya yang tidak dapat dicari pengertiannya di dalam kamus. Perihal itu berkait rapat dengan konteks yang dinyatakan oleh Saidatul Nornis (2020), yakni terdapat unsur budaya dalam DMS yang menjadikan dialek tersebut unik yang mengikat penuturnya serta membina hubungan sosial dalam kalangan peserta bahasa.

Selain itu, tulisan mengenai kesan pengaruh daripada dialek Melayu Brunei (DMB) terhadap DMS juga telah dilakukan oleh Saidatul Nornis (2020). Tulisan itu mengenal pasti penggunaan perkataan yang mempunyai ciri DMB dalam ujaran-ujaran DMS. Antara perkataan yang diteliti adalah “*agas*” (serangga kecil), “*akun*” (mengakui kesalahan), “*buyuk*” (menipu), “*giuk*” (ulat), “*jajal*” (nakal) dan “*jurit*” (berselerak). Setiap perkataan DMB diperihal daripada aspek makna kamus, makna dalam DMS dan makna budaya. Menurut beliau, terdapat unsur peminjaman secara langsung daripada DMB tanpa melibatkan peralihan maksud perkataan. Proses peminjaman leksikal itu adalah untuk memenuhi keperluan pertuturan selain menjadi rujukan kepada golongan penutur yang meminjam perkataan terbabit. Perbincangan dalam makalah itu turut menyimpulkan beberapa faktor pertembungan bahasa yakni kedwibahasaan, perpindahan, politik, geografi dan ekonomi yang mendorong kepada

pembentukan konteks sedemikian. Pertembungan budaya antara kelompok etnik berbeza menyebabkan penutur cenderung menggunakan satu instrumen berbahasa yang saling difahami. Tuntas beliau, DMS adalah varian DMB. Namun begitu, garis sempadan antara DMS dan DMB tidak dapat dikesan secara jelas.

Satu lagi tulisan Saidatul Nornis Hj. Mahali (2012) terhadap aspek kata ganti nama diri (KGND) dan kata penegas ‘bah’ dalam DMS. Hasil analisis, didapati bahawa terdapat perbezaan konteks makna KGND “*kita*” antara DMS dan bahasa Melayu Standard (BMS). Hal ini kerana, KGND “*kita*” dalam BMS digunakan sebagai penanda jamak walhal dalam DMS pula, KGND ini boleh digunakan untuk menggantikan KGND2 “*kau*”. Selain itu, KGND “*diurang*” dituturkan oleh penutur DMS untuk rujukan jamak. KGND tersebut merupakan bentuk yang sama dengan KGND “*mereka*” dalam BMS. Penggunaan KGND seperti “*dia*” juga amat berbeza dalam konteks DMS ekoran ketiadaan KGND “*-nya*” dalam dialek ini. Maka, KGND “*dia*” digunakan untuk menggantikan KGND “*-nya*”, misalnya dalam ayat “*dia sayang betul kucing dia*” (dia amat menyayangi kucingnya). Selain itu, perihal fungsi partikel ‘bah’ dalam DMS turut diselidiki. Hasil analisis, terdapat dua peranan partikel ‘bah’ yakni pertama, sebagai penegasan dalam ujaran. Kedua, ‘bah’ digunakan untuk menyatakan maksud “*baiklah*”. Dikatakan bahawa, peranan partikel ‘bah’ sebenarnya menyerupai peranan partikel “*-kah*” dalam BMS. Jelas dapat diketahui bahawa DMS mempunyai kelainan yang ketara dalam aspek KGND dan penggunaan kata penegas.

Noor Fadilah Dawi et al. (2019) pula meneliti DMS secara khusus mengenai penggunaan kata ganti nama diri pertama (KGND1) “*aku*” dalam konteks kesantunan penutur bahasa di daerah Lahad Datu, Sabah. Kajian itu dilakukan untuk mengenal pasti pemakaian KGND “*aku*” mengikut konteks peserta bahasa dan juga untuk memerihal kelainan pemakaiannya dalam konteks masyarakat di Sabah. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan KGND1 “*aku*” dianggap sebagai ungkapan perujukan diri yang tidak santun jika dilafazkan kepada pihak yang lebih berstatus dan lebih berusia. Namun demikian, penggunaannya dalam kalangan masyarakat di Lahad Datu sebenarnya masih menunjukkan kesantunan. Walaupun penutur yang lebih muda mengungkapkan “*aku*” sebagai KGND1, namun pelafazan itu disertai dengan kesantunan. KGND1 “*aku*” juga diguna untuk menunjukkan kekuasaan, keakraban,

kemesraan dan kekitaan. Sebagai tuntas terhadap kajian tersebut, jelas bahawa tanggapan penggunaan KGNDI “aku” sebagai ungkapan yang tidak santun dalam kelompok masyarakat tertentu bukan penentu kepada amalan kesantunan dalam suatu kelompok yang lain kerana, suatu kelompok kaum mempunyai unsur-unsur budaya pertuturan tersendiri. Hal itu kerana, aspek kesantunan turut dipengaruhi oleh cara berbahasa sesuatu masyarakat.

Kartini Abd. Wahab (2018) pula membincangkan DMS secara khusus daripada aspek ciri penggunaannya dalam media sosial. Kajian ini membahaskan penggunaan DMS dalam laman sosial, dengan menumpukan analisis ciri dan peranan komunikatif DMS menerusi situasi bahasa dalam laman Facebook “Ni Kali Lah”. Didapati bahawa DMS mempunyai kelainan ciri bunyi. Ini kerana, bunyi sebutan kata DMS direalisasikan ejaanya berdasarkan bunyi sebutan DMS lisan. Dari aspek peranan komunikatif, didapati terdapat tujuh peranan, yakni peranan instrumental, informatif, peribadi, interaksi, regulatori, heuristik dan imaginatif. DMS didapati jelas menerima pengaruh daripada bahasa Dusun dari segi kata, frasa dan ayat. Justeru, usaha meneliti lebih banyak aspek linguistik DMS perlu dilaksanakan untuk mendokumentasikan perkembangan DMS.

Hasil tulisan Jane Wong Kon Ling (2000) berkisar tentang perbezaan aspek fonologi dialek Melayu Sabah berbanding dengan dialek Melayu Standard dan dialek-dialek Melayu lain. Berdasarkan kaedah Dialektologi Bandar, maka kajian ini telah mengenal pasti struktur fonologi DMS sebagai dialek Melayu melalui kelainan linguistik yang dipengaruhi oleh konteks sosial. Kajian ini turut menentukan fungsi variabel fonologi dalam kepelbagaian komuniti penutur di Sabah. Didapati bahawa DMS merupakan dialek tersendiri. Hasil kajian ini mengenal pasti inventori fonem bagi DMS dan seterusnya agihan komplimentari bagi kelainan fonologi DMS. Kajian ini juga telah mengenal pasti ciri-ciri kelainan fonologi dalam DMS yang terdiri daripada fonem /a/ direalisasi sebagai [a], /r/ direalisasi sebagai bunyi getaran [r], dan /k/ direalisasi sebagai [k], di semua posisi akhir kata, /a/ direalisasi sebagai [a], /e/ direalisasi sebagai [i], /o/ direalisasi sebagai [u], /tʃ/ direalisasi sebagai [s] di semua posisi awal dan tengah kata; penyisipan glotal di akhir kata yang berakhir dengan vokal; dan pengguguran fonem /h/ di semua posisi kata. Kajian ini juga mendapati wujud perkaitan yang signifikan antara kelainan fonologi, faktor sosial dan gaya

pertuturan. Buktinya, golongan muda menggunakan lebih banyak varian standard berbanding golongan tua yang lebih banyak menggunakan varian yang tidak standard. Kajian turut mendapati bahawa semakin tinggi strata sosial masyarakat, semakin tinggi mereka menggunakan varian standard.

Memandangkan tidak banyak kajian yang dilaksanakan terhadap DMS, maka terdapat kelompangan terhadap kajian DMS dalam tempoh yang lama. Kekurangan kajian sama ada dari aspek fonologi, morfologi, sintaksis mahupun pragmatik sangat ketara maka kajian ini diusahakan agar mampu mengisi sebahagian daripada kelompangan berkenaan. Antara aspek menarik yang masih belum mendapat perhatian dalam pengkajian DMS adalah partikel ‘bah’. Ia merupakan satu bentuk deiksis sosial yang unik serta menjadi identiti dalam kalangan masyarakat tempatan di Sabah. Kekurangan kajian yang menumpu mengenai deiksis sosial ini menyebabkan tidak ramai masyarakat yang benar-benar memahami peranan partikel ‘bah’ secara mendalam. Justeru, rungsaian konteks yang menumpu kepada peranan partikel ‘bah’ dalam situasi bahasa terpilih, diharap dapat menonjolkan identiti DMS seterusnya difahami dengan baik oleh penutur DMS itu sendiri serta penutur dialek Melayu atau bahasa yang lain.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berasaskan teks yang dikumpul secara rakaman atas talian daripada mesyuarat guru di SMK Simpangan, Beluran, Sabah kerana ketika rakaman dibuat sekolah masih dalam proses Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebanyak lima buah minit mesyuarat telah dirakam dan ditranskripsi. Teks minit mesyuarat yang dikaji mengandungi 26,137 patah perkataan hasil perbincangan dan pertuturan 49 orang ahli mesyuarat. Ahli-ahli tersebut adalah merangkumi guru-guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) SMK Simpangan. Rakaman bagi setiap mesyuarat adalah berdurasi 1 jam 50 minit hingga 3 jam 40 minit. Mesyuarat tersebut terdiri daripada pelbagai jenis mesyuarat, yakni Mesyuarat Hal Ehwal Murid (HEM), Mesyuarat Kokurikulum, Mesyuarat Kurikulum, Mesyuarat Bidang Bahasa, Mesyuarat Staf dan Dialog Prestasi SPM. Pelaksanaan rakaman pertuturan mesyuarat tersebut telah mendapat kebenaran daripada pengetua sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Proses analisis teks dibuat melibatkan penggunaan perisian

korpus, yakni perisian *AntConc*. Korpus ini dipilih kerana perisian ini dapat menyediakan paparan analisis senarai kata dan senarai ayat dalam teks yang diteliti. Dengan penyediaan paparan sedemikian, tentulah mempermudah proses meneliti maklumat deiksis sosial ‘bah’ daripada aspek jumlah kekerapan penggunaan dan juga memudahkan penelitian senarai ayat yang menggunakan perkataan tersebut. Dengan lima rakaman mesyuarat, kata ‘bah’ akan dikenal pasti dan dianalisis berasaskan konteks bahasa dan budaya penutur DMS. Deiksis sosial ini akan dianalisis berdasarkan teori Deiksis Huang (2014) untuk menghuraikan jenis dan peranan deiksis dalam situasi bahasa yang diselidiki.

DAPATAN

Pemahaman terhadap konteks menjadi dasar dalam penggunaan bahasa. Dengan memahami konteks, pengguna bahasa menyesuaikan ayat yang tepat untuk diujarkan (Levinson 1983). Terdapat beberapa pendapat mengenai pembahagian dalam pengkajian pragmatik. Levinson (198) menyatakan terdapat lima elemen, iaitu deiksis, implikatur, praandaian (*presupposition*), lakuan tutur (*speech acts*) dan struktur wacana. Sedangkan Bambang Kaswanti Purwo (1987) pula menjelaskan ada empat cakupan pengkajian pragmatik, iaitu deiksis, praandaian, lakuan tutur dan implikatur. Sejajar itu, salah satu kajian di dalam pragmatik yang melibatkan konteksnya adalah deiksis.

Deiksis merupakan elemen bahasa yang diguna untuk menghubungkan situasi konteks dalam perbualan (Sumarsono 2007; Ike Revita 2009). Bagi Bambang Kaswanti Purwo (1987) pula rujukan kepada deiksis itu berubah-ubah serta tergantung kepada pembicara, waktu dan tempat ujaran berlangsung. Bermaksud, konteks penting untuk mengetahui dan memahami fungsi deiksis. Selain itu, deiksis sosial turut mampu menerangkan perbezaan yang disebabkan oleh faktor-faktor sosial kerana ia

memiliki rujukan tertentu dan turut hadir dengan konotasi sosial (Sumarsono 2007). Bagi Huang (2014) pula, deiksis sosial merupakan ungkapan yang berhubung dengan proses pengekodan status sosial penutur, pesapa, orang ketiga atau entiti yang dirujuk. Maklumat terkod dalam deiksis sosial mungkin meliputi kelas, sosial, hubungan kekerabatan, jantina, pekerjaan dan kumpulan etnik. Ungkapan deiksis sosial meliputi kata ganti nama diri (KGND), penanda hormat, penanda hubungan kekeluargaan, bentuk sapaan, imbuhan, klitik dan partikel, serta pilihan perbendaharaan kata.

Deiksis juga merupakan istilah yang diguna untuk menunjukkan kenescayaan hadirnya acuan ini dalam suatu informasi. Suatu informasi pada dasarnya mengisyaratkan kecukupan (*sufficient*) dalam struktur dalaman informasi itu sendiri, sehingga seseorang yang diajak berkomunikasi dapat memahami mesej yang disampaikan dengan tepat. Persoalan akan muncul apabila informasi itu hanya dapat difahami dari konteksnya. Deiksis bererti ‘menunjuk’ melalui bahasa. Berdasarkan penggunaannya, deiksis terdiri daripada deiksis persona, deiksis tempat, deiksis waktu (Huang 2016). Terdapat tiga deiksis tambahan lain, iaitu wacana, sosial dan emosi (Huang 2016). Namun, tulisan ini hanya akan memfokuskan pada deiksis sosial sahaja khususnya kepada kata ‘bah’.

Agustina (1995) pula menyatakan bahawa deiksis sosial bertujuan untuk menunjukkan perbezaan ciri sosial antara penutur dan mitra/ lawan tutur dan pembaca dengan topik atau rujukan yang dimaksud dalam sesuatu komunikasi. Oleh itu, apabila suatu deiksis sosial diungkap oleh penutur, ia sebenarnya merakam ragam dan budaya berbahasa penutur terbahit. Tambahan lagi, Huang (2014) menyatakan bahawa bahasa tidak akan berfungsi dengan baik tanpa ujaran deiksis. Deiksis yang diujar dalam pertuturan sekurang-kurangnya melibatkan suatu unit deiksis misalnya deiksis sosial.

JADUAL 1. Kekerapan penggunaan ‘bah’ dalam lima teks mesyuarat Guru di SMK Simpangan

| JENIS DEIKSIS SOSIAL | SUB JENIS | UNIT DEIKSIS SOSIAL | KEKERAPAN |
|----------------------|---------------|---------------------|-----------|
| Partikel | Partikel khas | bah | 44 |

Deiksis sosial ‘bah’ merupakan partikel khas dalam DMS. Hasil analisis terhadap lima teks minit mesyuarat, didapati terdapat 44 kata ‘bah’ yang dituturkan sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam Jadual 1 di atas. Sejajar dengan perihal tersebut, Kartini Abd Wahab (2018) dalam pernyataannya pula menyebut bahawa kata lokal ini tidak mungkin dapat ditafsir oleh penutur dari luar Sabah. Berpandukan maklumat tersebut, maka amat signifikan peranan komunikatif ‘bah’ diteliti dan diilmiahkan sebagai rujukan berbahasa bukan sahaja kepada penutur DMS itu sendiri malahan

sebagai bahan rujukan kepada penutur dialek-dialek Melayu yang lain.

Partikel ‘bah’ boleh diguna dalam pelbagai konteks ayat. Ia turut mendukung maksud berbeza berdasarkan ayat yang dihasilkan. Berasaskan analisis teks didapati terdapat empat fungsi partikel ini, iaitu (i) ‘bah’ sebagai persetujuan; (ii) ‘bah’ sebagai penekanan; (iii) ‘bah’ sebagai penguat; dan (iv) ‘bah’ sebagai penegas. ia dapat diteliti sebagaimana perbincangan berikut ini.

‘BAH’ SEBAGAI PERSETUJUAN

JADUAL 2. ‘bah’ sebagai Persetujuan

| Bil. | Dialek Melayu Sabah | Bahasa Melayu Standard |
|------|---|---------------------------------------|
| 1. | Jangan la <i>bah</i> kan.. teruskan saja. | Jangan la... teruskan saja. |
| 2. | <i>Bah</i> , siapa yang mau reshuffle? | Ok, siapa yang bersetuju mahu rombak? |
| 3. | Ok juga <i>bah</i> .. Inda ada juga kita bias-bias kan. | Ok juga.. kita tidak juga bias kan. |

Dalam Kamus Dewan (2015), kata “persetujuan” bermaksud memperkenankan, pengesahan, membenaran atau pernyataan setuju. Umumnya, suatu persetujuan boleh berbentuk sama ada “bersetuju” ataupun “tidak bersetuju”. Hal demikian dapat dipraktikkan dalam konteks penggunaan partikel ‘bah’ bagi menyatakan persetujuan sama ada “setuju” ataupun “tidak setuju” terhadap suatu perkara dalam situasi bahasa yang dilangsungkan. Merujuk kepada Jadual 2 di atas, ayat (1) “*jangan la bah kan... teruskan saja*” membawa maklumat bahawa penutur menyatakan ketidaksetujuan beliau terhadap suatu cadangan dan memohon agar perancangan terdahulu diteruskan. Dalam hal ini, peranan ‘bah’ jelas merakam bahawa penutur menggunakan kata ‘bah’ sebagai pelengkap ujaran untuk tujuan menyuarakan pendapat beliau, yakni tidak bersetuju terhadap perkara yang diutarakan oleh penutur terdahulu. Berdasarkan terjemahan dalam Bahasa Melayu Standard (BMS) ayat (1), sebenarnya partikel ‘bah’ boleh digugurkan kerana bentuk ungkapan ini tidak ada dalam BMS. Justeru, ayat (1) akan menjadi “*Jangan la... teruskan saja.*” Menerusi terjemahan BMS tersebut, dapat dilihat bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara daripada aspek struktur dan makna ayat dengan ujaran asalnya. Ini kerana, ‘bah’ hanya berfungsi sebagai partikel sahaja dan tidak memiliki sifat leksikal yang mengandungi makna utuh biarpun tidak digandingkan dengan perkataan yang lain.

Dalam ayat (2) pula, penutur memperlihatkan ujaran budi bicara terhadap peserta bahasa yang

menyatakan bantahan atau pendapat tidak setuju sebagaimana dalam ayat (1). Ini bermakna, penutur ayat (2) tidak mengekang atau tidak menghalang ketidaksetujuan terhadap ayat bantahan oleh penutur ayat (1). Malahan, mempunyai kesediaan untuk bersetuju sekiranya terdapat cadangan baru diutarakan oleh peserta-peserta bahasa yang lain terhadap isu yang dibincangkan. Hal ini jelas dapat diperhatikan dalam ayat “*Bah, siapa yang mau reshuffle?*”. Dalam ayat tersebut, penutur bahkan meminta idea atau cadangan daripada peserta bahasa lain, untuk mengemukakan suatu perancangan baharu agar dapat dibincangkan satu persetujuan bersama dalam peristiwa tutur itu. Ini bermakna, fungsi partikel ‘bah’ sebagai persetujuan tidak terhad kepada ujaran bersetuju dan tidak bersetuju semata-mata, tetapi turut berperanan untuk melangsungkan proses maklum balas persetujuan dalam kalangan peserta bahasa.-

‘bah’ turut dilafaz untuk tujuan menyatakan persamaan pendapat persetujuan seperti mana ujaran (3) “*Ok juga bah.. Inda ada juga kita bias-bias kan.*” Ujaran itu merakam bahawa penutur menyatakan persetujuan terhadap perkara yang diutarakan oleh penutur terdahulu dalam konteks berkenaan. Peranan ‘bah’ dalam ujaran itu sejajar dengan perbincangan Saidatul Normis Hj. Mahali (2012) yang menyebut bahawa partikel ‘bah’ biasa diguna untuk tujuan maksud “*baiklah*” oleh penutur DMS. Berdasarkan terjemahan ayat (3) dalam DMS, yakni “*Ok juga.. kita tidak juga bias kan*”, ayat tersebut tidak mengalami perbezaan yang ketara

kerana kehadiran kata ‘bah’ dalam ujaran sebenarnya bersifat universal, dan boleh digugurkan jika ujaran itu ingin diterjemah ke dalam BMS sebagaimana terjemahan yang diberi. Penggunaan partikel ‘bah’

adalah suatu ciri kebahasaan yang unik dan menjadi kebiasaan bagi penutur DMS untuk menyatakan sebarang bentuk persetujuan semasa peristiwa tutur.

‘BAH’ SEBAGAI PENEKANAN

JADUAL 3. ‘bah’ sebagai Penekanan

| Bil. | Dialek Melayu Sabah | Bahasa Melayu Standard |
|------|---|--|
| 1. | Buka sekolah <i>bah</i> buku teks baru boleh dibagi dengan pelajar. | Sekolah sudah mula dibuka, maka buku teks baru boleh diberikan kepada pelajar. |
| 2. | Ada nota-nota ringkas <i>bah</i> dalam modul-modul itu. | Ada nota-nota ringkas dalam modul-modul itu. |
| 3. | Diorang mau hantar <i>bah</i> kan modul untuk dicek? | Mereka perlu menghantar modul untuk disemak? |

Secara harafiahnya, kata “penekanan” bermaksud kata yang menekankan (Kamus Dewan 2015). Makna tersebut berhubung rapat dengan fungsi deiksis sosial ‘bah’ yang dituturkan oleh penutur DMS. Ini kerana, kata ‘bah’ biasa diguna oleh kalangan penutur DMS sebagai penekanan bahagian tertentu dalam ujaran. Penekanan bahagian ayat yang dimaksudkan itu boleh berlaku sama ada menekankan subjek, predikat mahupun penekanan di bahagian tertentu, yakni bahagian perantara antara subjek dan predikat.

Misalan dalam ayat (1) “*buka sekolah bah buku teks baru boleh dibagi dengan pelajar*” merakamkan makna konteks bahawa penutur mengemukakan pertanyaan untuk mendapatkan kepastian sama ada buku teks diedarkan kepada pelajar selepas sekolah dibuka atau sebaliknya. Dari sudut sintaksis, ujaran tersebut berstruktur songsang, yakni predikat diletakkan di hadapan subjek dan kata lokal ‘bah’ dihadirkan untuk menekankan bahagian predikat tersebut, yakni pada rangkaian kata “*buka sekolah*

bah..”. Selain menekankan predikat ayat, ‘bah’ juga diguna untuk menekankan bahagian subjek sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam ayat (2). Kata ‘bah’ digunakan untuk menekankan subjek ayat (2) yakni “*ada nota-nota ringkas bah...*”.

Ayat (3) pula merakamkan penggunaan ‘bah’ yang sedikit berbeza, yakni ungkapan ini diguna sebagai penekanan di tengah-tengah ayat atau antara subjek dan predikat sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam ayat “*diorang mau hantar bah kan modul untuk dicek?*”. Tuntasnya, unsur penekanan ujaran menerusi ungkapan deiksis sosial ‘bah’ bersifat universal, yakni tidak terbatas kepada penekanan bahagian selepas subjek dan predikat sahaja, tetapi boleh berlaku secara bebas, yakni di pertengahan frasa bagi suatu subjek mahupun predikat.

‘BAH’ SEBAGAI PENGUAT

JADUAL 4. ‘bah’ sebagai Penguat

| Bil. | Dialek Melayu Sabah | Bahasa Melayu Standard |
|------|---|--|
| 1. | Kesian <i>bah</i> Cikgu Elysiana kan.. Timbalan la Cikgu Nadjar. | Kasihannya sangat Cikgu Elysiana kan.. Cikgu Nadjar jadi timbalan la. |
| 2. | Cikgu Suharto kreatif <i>bah..</i> | Cikgu Suharto sangat kreatif. |
| 3. | Sedih <i>bah...</i> sebab bila kita keluar dari kelas tu macam kita tidak dapat pun <i>share</i> dengan <i>student</i> perkara yang sepatutnya. | Sangat Sedih... sebab apabila saya keluar dari kelas itu, rasa macam saya tidak dapat kongsi kepada pelajar perkara yang sepatutnya. |

Berpandukan Kamus Dewan (2015), kata “penguat” bermaksud sesuatu kata yang memperkuat suatu pernyataan. Tafsiran makna tersebut berhubung rapat dengan fungsi penggunaan deiksis sosial ‘bah’ dalam pertuturan masyarakat tempatan Sabah. Ini kerana, partikel ‘bah’ diguna sebagai kata penguat dalam ujaran. Umumnya, kata penguat dalam bahasa Melayu terdiri daripada kata seperti ‘sangat, sungguh, amat dan terlalu’. Namun demikian, DMS memiliki ciri khusus yang berperanan sebagai kata penguat, yakni partikel ‘bah’. Berdasarkan ayat (1) dalam jadual 4, ayat “*Kesian bah cikgu Elysiana.. timbalan la Cikgu Nadjar*” bermaksud penutur berasa simpati terhadap cikgu Elysiana kerana menyandang jawatan yang agak berat dan beliau memerlukan timbalan sebagai pembantu justeru, penutur mencadangkan cikgu Nadjar sebagai timbalan untuk membantu cikgu Elysiana. Dari sudut peranan kehadiran ‘bah’ dalam ayat (1), ia diperlukan oleh penutur untuk menjadi kata penguat kepada ungkapan sebelumnya, yakni kata “*kesian*”. Ini bermakna, jika ayat itu diterjemahkan ke dalam BMS, struktur ujaran akan menjadi “*kasihan sangat cikgu Elysiana kan.. cikgu Nadjar jadi timbalan la*”. Ujaran terjemahan itu memaparkan perubahan bahawa, sebenarnya partikel ‘bah’ boleh diubah kepada kata penguat “*sangat*”. Penggantian ini boleh dilakukan kerana partikel ‘bah’ digunakan sebagai kata penguat dalam ujaran tersebut.

Seterusnya, ayat (2) “*cikgu Suharto kreatif bah*” memperlihatkan peranan partikel ‘bah’ sebagai kata penguat. Secara pragmatiknya, konteks yang diketengahkan dalam ujaran itu adalah, orang yang dirujuk, iaitu cikgu Suharto memiliki sifat kreatif dalam sesuatu perkara. Jika diterjemahkan ke dalam BMS, struktur ujaran itu adalah “*cikgu Suharto sangat kreatif*”. Kehadiran kata penguat “*sangat*” dalam ayat terjemahan itu jelas menunjukkan bahawa partikel ‘bah’ mempunyai fungsi tuturan yang sama dengan kata penguat “*sangat*” dalam BMS. Selanjutnya, konteks ayat (3) “*Sedih bah... sebab bila kita keluar dari kelas tu macam kita tidak dapat pun share dengan student perkara yang sepatutnya*” pula membawa maksud konteks bahawa penutur berasa sedih kerana merasakan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan olehnya dalam kelas kurang berjaya kerana subjek tersebut bukan kepakarannya. Justeru, pelajar tidak dapat mendapat perkongsian maklumat yang secukupnya. Dalam ayat itu, kehadiran partikel ‘bah’ dalam ujaran “*sedih bah...*” sebenarnya boleh digantikan dengan kata penguat “*sangat*” jika diterjemahkan dalam BMS. Ini jelas menandakan konteks linguistik ‘bah’ mempunyai fungsian yang sama dengan kata penguat bebas “*sangat*” dalam BMS.

‘BAH’ SEBAGAI PENEGAS

JADUAL 5. ‘bah’ sebagai Penegas

| Bil. | Dialek Melayu Sabah | Bahasa Melayu Standard |
|------|---|---|
| 1. | Tiada <i>bah</i> cikgu.. gurau saja aah cikgu. | Tidaklah cikgu.. gurau sahaja ya cikgu. |
| 2. | Cek-cek bah Joh. Hahaha.. tolong cek <i>bah</i> Joh. RPT ada kah Joh? | Joh, semaklah. Hahaha.. tolong semaklah Joh. RPT ada kah Joh? |
| 3. | Tenang <i>bah</i> Ato. | Tenanglah Ato. |

Secara umumnya, kata “penegas” bermaksud penerangan, penjelasan dan penentuan dalam ujaran yang diungkapkan (Kamus Dewan, 2015). Penerapan pemaknaan itu dalam ujaran jelas dapat diperhatikan menerusi analisis fungsi kata ‘bah’ dalam pertuturan oleh penutur DMS yang mana menggunakan deiksis sosial tersebut sebagai penegas dalam ujaran. Dalam BMS, umum diketahui bahawa unsur-unsur penegas terdiri daripada “*-kah*”, “*-lah*” dan “*-tah*”. Namun begitu, DMS mempunyai kata penegas yang tersendiri yang mana tidak ada dalam BMS yakni, partikel ‘bah’.

Merujuk kepada ayat (1) “*tiada bah cikgu.. gurau saja aah cikgu*”, makna konteks ujaran itu adalah penutur menafikan perkara yang telah beliau ujarakan dengan mengatakan bahawa ujaran beliau itu hanyalah sekadar gurauan. Dalam ayat itu, partikel ‘bah’ digunakan untuk menjadi kata penegas. Sebenarnya, partikel ‘bah’ boleh digantikan dengan kata penegas BMS “*-lah*”. Sekiranya kata penegas ‘bah’ digugurkan sekalipun, hal itu tidak menjejaskan konteks ujaran kerana fungsi yang dibawa olehnya hanyalah sebagai penegas semata-mata.

Selanjutnya, ayat (2) menunjukkan bahawa ungkapan ‘bah’ boleh diganti dengan kata penegas “-lah”. Hal tersebut dapat dilihat dengan jelas menerusi ujaran terjemahan ke dalam BMS, yakni “*Joh, semaklah. Hahaha.. tolong semaklah Joh. RPT ada kah Joh?*”. Dalam ayat (3) pula, ujaran “*Tenang bah Ato*” juga menunjukkan penggunaan ‘bah’ sebagai kata penegas yang sebenarnya mempunyai fungsi yang sama dengan kata penegas “-lah”. Hal ini jelas diperhatikan dalam ujaran terjemahan BMS, yakni “*Tenang la Ato*”. Dengan perkataan lain, penggunaan ‘bah’ sebagai penegas dalam ujaran sebenarnya tidaklah terbatas kepada kedudukan tertentu malahan, ungkapan ‘bah’ boleh digunakan sebagai penegas sama ada di tengah ayat, sebelum akhir ayat atau di kedudukan-kedudukan tertentu berdasarkan konteks yang memerlukan kehadirannya.

Jelaslah bahawa deiksis sosial ‘bah’ yang diguna oleh penutur DMS sebenarnya mengandungi peranan-peranan komunikatif yang amat penting sebagai penanda persetujuan, penekanan, penguat dan penegas. Hal ini dapat diperhatikan menerusi analisis peranan kata ‘bah’ sebagaimana yang telah dirungkaikan di atas. Oleh sebab kata ‘bah’ telah wujud sejak sekian lama dalam pertuturan penutur DMS, maka ketiadaan ungkapan ini dalam pertuturan seseorang penutur tentulah akan menjejaskan penyampaian hasrat ujaran dalam kalangan penutur DMS. Buktinya, penutur DMS sebenarnya amat bergantung kepada penggunaan kata ‘bah’ dalam pertuturan bagi tujuan tertentu seperti menyatakan persetujuan, penekanan, penguat dan penegas dalam ujaran.

Tanpa ‘bah’, tidak mungkin ujaran yang diungkap untuk tujuan-tujuan tersebut dapat dikemukakan dengan gramatis. Hal ini sejajar dengan pernyataan Huang (2014) bahawa tanpa penggunaan deiksis dalam pertuturan, bahasa tidak akan berfungsi dengan sempurna. Jelaslah bahawa penggunaan partikel ‘bah’ dalam pertuturan amat penting untuk memastikan situasi bahasa DMS berlangsung dengan lancar tanpa gangguan ketidakgramatisan bahasa, gangguan tafsiran makna dan sebagainya. Penggunaan partikel ‘bah’ juga penting dalam kalangan penutur DMS bagi memelihara ragam bahasa DMS yang unik, yakni tidak dimiliki oleh dialek-dialek Melayu yang lain.

PERBINCANGAN

Bahasa dan budaya merupakan simbiosis yang ampuh. Tidak ada bahasa yang boleh wujud tanpa didukung oleh sesuatu budaya, dan budaya hanya boleh wujud jika ada bahasa untuk mengungkap dan merakamnya. Tidak ada bahasa yang tidak diwarnai dengan budaya yang tertentu (Hassan 2004). Bahasa dan budaya adalah dua entiti yang berjalanan secara sepadu serta utuh. Ini bermaksud, kosa kata, nahu dan kekangan sosial dalam berbahasa mencerminkan budaya yang diamalkan oleh penutur, dan juga sistem nilai yang dijunjung oleh masyarakat penutur (Gumperz 1974; Chomsky 1985). Berdasarkan pandangan ini, dapat kita fahami bahawa seseorang penutur hanya boleh dianggap telah menguasai sesuatu bahasa, jika dia mampu menggunakan bahasa berdasarkan kesesuaian budaya. Jika sesuatu output bahasa diujarkan tanpa mengambil kira aspek budaya, kemungkinan besar output bahasa yang dihasilkan tidak dapat diterima dengan selesa oleh para pendengar (Zulkifli Hamid 2012).

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan, jelas memperlihatkan bahawa DMS mempunyai ciri linguistik tersendiri daripada aspek partikel. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan deiksis sosial ‘bah’. Deiksis ini didapati mempunyai fungsi pelbagai, yakni sebagai persetujuan, penekanan, penguat dan penegas. Misalnya, ‘bah’ yang diguna sebagai kata penguat, maka kedudukan ‘bah’ itu sebenarnya boleh digantikan dengan partikel BMS yakni “-lah”. Namun, perlu ditegaskan bahawa tidak semua penggunaan atau kehadiran ‘bah’ dalam ujaran boleh digantikan dengan terminologi-terminologi daripada BMS. Ini kerana, deiksis ‘bah’ lahir daripada kelompok penutur yang berasal dari Sabah, dan dalam konteks besar penutur-penutur bahasa di Sabah yang memiliki latar budaya rencam dan pelbagai menyebabkan penggunaan ‘bah’ disesuaikan dengan konteks berbeza juga. Namun, perlu ditegaskan bahawa ‘bah’ tidak boleh hadir pada semua kedudukan kata.

Sebenarnya, selain partikel ‘bah’ terdapat beberapa lagi deiksis sosial yang turut menyerlahkan identiti penutur DMS. Misalnya, terdapat kata “*nopo*”, “*no*”, “*gia*” dan lain-lain yang diterapkan daripada bahasa Kadazandusun. Peranan partikel-partikel etnik itu menyamai peranan partikel ‘bah’. Ringkasnya, ragam bahasa yang diguna oleh

seseorang penutur DMS sebenarnya secara langsung mempromosikan identiti budaya dan bahasa penutur DMS itu sendiri (Saidatul Normis & Alice Alim 2021). Seyogia, sukar untuk menterjemahkan maksud sebenar kata ‘bah’ kerana unsur budaya yang terselit di dalamnya memerlukan padanan dalam konteks sosiobudaya masyarakat penutur untuk memahami dan mengaplikasikannya ke dalam ujaran.

Berkait itu, maka tentulah masyarakat penutur DMS ini mempunyai budaya dan ragam kebahasaan tersendiri yang mana tidak ada dalam dialek-dialek Melayu lain, bahkan dalam BMS. Tambahan pula, pertuturan sebenarnya dilatari oleh budaya penutur itu sendiri. Justeru, keunikan budaya itulah yang mempengaruhi kebahasaan seseorang penutur sehingga melahirkan terminologi-terminologi tersendiri dalam bahasa yang dituturkan. Konteks yang sama terpapar dalam pernyataan Saidatul Normis (2020) yang melihat keunikan DMS sebagai suatu yang berkait dengan budaya yang melingkari kehidupan penuturnya. Keunikan berkenaan secara tidak langsung membina ikatan sosial antara penutur dan akhirnya membentuk identiti sosial mereka yang tersendiri.

Tidak keterlaluan untuk dinyatakan bahawa bahasa yang diguna dan budaya yang diamal merupakan dua entiti yang bersifat khusus bagi sesuatu kelompok penutur. Dua aspek inilah yang menjadi pembeza dan penyatu dalam kalangan anggota sesuatu masyarakat (Fasold 1984). Sebagai pembeza, bahasa dan budaya yang diamalkan oleh sesuatu kelompok penutur sering berbeza secara jelas dengan bahasa dan budaya penutur bahasa lain. Aspek inilah yang membentuk satu citra yang tersendiri bagi sesuatu kelompok pengguna bahasa. Sesuatu kelompok penutur akan menjadikan pemuliharaan bahasa dan budaya sebagai satu agenda bersama, dan aspek inilah yang menyebabkan mereka bersatu. Persekitaran boleh berubah, tetapi citra sesuatu bangsa tidak cepat berubah kerana ia sentiasa terkekang dengan citra yang terpancar daripada bahasa dan budaya (Zulkifli Hamid 2012). Hal itu seiring dengan pernyataan hipotesis relativiti linguistik yang dirumus sebagai ‘setiap bahasa tidaklah hanya merupakan satu alat untuk menyuarakan idea-idea, malah ia merupakan pembentuk dan penentu idea-idea. Bahasa umpama program dan penuntun kegiatan mental seseorang, penentu analisis kesan dan sintesis struktur mental seseorang itu’. Pandangan oleh Whorf itu secara jelas menerangkan bahawa bahasa pada aspek dan

tahap tertentu mengawal kehidupan manusia. Ini seterusnya memberikan gambaran bahawa bahasa adalah salah satu unsur utama yang membentuk budaya dan citra sesebuah masyarakat.

Dapat dirumuskan bahawa imej atau citra sesebuah masyarakat banyak ditentukan oleh bahasa dan budaya sesebuah masyarakat atau sesuatu bangsa. Dengan lain perkataan, tanpa perlu mengkaji atau tinggal bersama sesebuah masyarakat, kita boleh mengenali masyarakat tersebut dengan intim dengan hanya mengkaji bahasa dan budaya masyarakat tersebut. Pandangan itu sejajar dengan pendapat Widdowson (1979) yang memeri bahawa pengetahuan bahasa dapat ditakrif sebagai terdiri daripada dua jenis pengetahuan yang saling melengkapi, iaitu guna (*use*) dan penggunaan (*usage*). Guna (*use*) merujuk pengetahuan tentang aspek-aspek kenahuan yang terdapat dalam sesuatu bahasa, manakala penggunaan (*usage*) merujuk pengetahuan tentang cara berkomunikasi berkesan dalam situasi penggunaan yang sebenar. Bagi Widdowson, pengetahuan tentang guna (*use*) yang tidak disertai pengetahuan penggunaan (*usage*) tidak mungkin akan menjadikan seseorang penutur itu pengguna bahasa berkesan.

KESIMPULAN

Memandangkan pengkajian DMS masih boleh dianggap sangat dini maka upaya untuk memperbanyakkan penerokaan terhadap dialek ini perlu dilakukan sama ada terhadap aspek fonologi, morfologi, sintaksis, pragmatik mahupun sosiolinguistik. Perbezaan yang sangat jelas antara dialek ini dengan dialek-dialek Melayu lain menyebabkan ia tidak dikategorikan sebagai sebahagian daripada dialek Melayu di Malaysia kerana terlalu banyak entri bahasa etnik Sabah di dalam kosa katanya. Keadaan itu disulitkan oleh struktur sintaksisnya yang banyak dipengaruhi oleh struktur bahasa etnik di Sabah. Dengan usaha memperkenalkan salah satu aspek deiksis DMS ‘bah’ diharap mampu memerikan dengan jelas tentang kaedah penggunaannya dalam ujaran. Empat fungsi ‘bah’, yakni sebagai (i) persetujuan, (ii) penekanan, (iii) penguat dan (iv) penegas masih melibatkan cara deiksis itu diguna di dalam ayat. Kesilapan peletakannya dalam ayat akan menyebabkan kejanggalan dan mencetuskan salah tafsir berbahasa. Seyogia, partikel ‘bah’ merupakan suatu penanda sosial identiti penutur DMS. Secara tidak langsung, ia turut menjadi seolah-olah suatu sistem *coding*

budaya bagi seluruh penutur DMS. Seperkara yang menarik, deiksis sosial ‘bah’ ini juga perlu dikaji bersama dengan ungkapan ‘bah’ yang turut dituturkan oleh penutur dialek Melayu Sarawak agar dapat diketahui elemen yang membezakan antara keduanya. Dengan maksud lain, ragam bahasa yang pelbagai perlu dirai dalam proses berkomunikasi. Ini kerana, variasi tersebut merakamkan identiti dan kebudayaan penuturnya menerusi acuan bahasa.

RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar. 1991. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Agustina. 1995. *Pragmatik dalam Pengajaran Bahasa Indonesia*. Padang: IKIP Padang.
- Bambang Kaswanti Purwo. 1987. Pramatik wacana. *Jurnal Widyaparwa* 31(10): 45-60.
- Chomsky, Noam, 1985. *Aspects of the Theory of Syntax*. Cetakan ke-14. Massachussetes: Massachussets Institute of Technology Press.
- Fasold, R. 1984. *The Sociolinguistics of Society*. New York: Basil Blackwell
- Gumperz, J. 1974. Linguistics and social interaction in two communities. Dlm. *Language, Culture and Society*, disunting oleh B. Blount, 250-266. Cambridge: Winthrop Publisher, Inc.
- Hassan Ahmad. 2004. Bahasa Melayu dan minda Melayu: suatu tinjauan kritis. *Jurnal Melayu Bil.* 1:19-52.
- Huang Yan. 2014. *Pragmatics*. 2nd edition. Oxford: Oxford University Press.
- Huang Yan. 2016. Pragmatics: language use in context. Dlm. *The Routledge Handbook of Linguistics*, disunting oleh Keith Allan, 205-220. London: Routledge.
- Ike Revita. 2009. *Antara Aku, Saya, Nama Diri, dan Panggilan Diri: Kajian Lintas Sosiopragmatik*. Padang: Universitas Andalas.
- Jane Wong Kon Ling. 2000. *The Sabah Malay Dialect: Phonological Structures and Social Functions*. Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu & Bahasa.
- Kamus Dewan. 2015. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kartini Abd. Wahab. 2018. Ciri dan Fungsi Komunikatif Bahasa Melayu Sabah dalam Media Sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 34(4): 58-74.
- Levinson, C. Stephen. 1983. *Pragmatics*. Cambridge University Press.
- Norazila Alias. 1986. *Dialek Kuala Pilah, Satu Tinjauan Fonologi dan Leksikal*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Noor Aina Dani & Syeril Patrisia Kining. 2016. Impak dialek Melayu Sabah ke atas bahasa ibunda generasi muda etnik Kadazandusun. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(2): 45 - 55
- Noor Fadilah Dawi, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Norazlina Hj. Mohd. Kiram. 2019. “Aku” dalam norma interpretasi masyarakat di Lahad Datu, Sabah. *MANU* 30(12): 151-168.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2012. *Pesona Dialek Melayu Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2020. Pengaruh dialek Melayu Brunei dalam dialek Melayu Sabah. *Jurnal Melayu* 19(1): 105-123.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali & Alice Alim. 2021. Kata-kata etnik sebagai identiti penutur dialek Melayu Sabah. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(3): 65-75.
- Sumarsono. 2007. *Pragmatik*. Singaraja: Undiksha.
- Widdowson, H. G. 1979. *Teaching Language as Communication*. London: Oxford University Press.
- Zulkifli Hamid. 2012. Keupayaan berbahasa Melayu dalam kerangka satu Malaysia. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 224-234.

Windy Kinduo
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah,
88400 Kota Kinabalu, Sabah.
windykinduoh2@yahoo.com

Saidatul Nornis Hj. Mahali
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah,
88400 Kota Kinabalu, Sabah.
saidatul@ums.edu.my